

28/10/1997

Abdullah puas hati pasaran mata wang disentuh

EDINBURGH, Isnin - Perisytiharan ekonomi yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini mengandungi mesej kepada semua negara terbabit bahawa ada pengajaran daripada pengalaman Malaysia dan negara lain di Asia Tenggara apabila mata wang mereka terjejas akibat spekulasi.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia berpuas hati kerana perenggan yang menyentuh pasaran mata wang itu dimasukkan ke dalamnya selepas disebut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan permulaan untuk membuka perbahasan selepas pembukaan persidangan CHOGM Jumaat lalu.

"Penyertaan perenggan itu juga adalah hasil usaha bersungguh-sungguh pegawai kita di peringkat perbincangan," katanya kepada wartawan Malaysia, di sini.

"Pandangan Perdana Menteri itu disambut baik oleh beberapa pemimpin dan mereka pun memberi pandangan yang sama iaitu dari segi pentingnya perhatian diberikan kepada krisis di Asia Tenggara dan pentingnya kita mempelajari daripada apa yang berlaku," katanya.

Ketua kerajaan Komanwel bersetuju supaya negara anggota mengkaji apakah pengajaran yang boleh diperolehi daripada pengalaman pahit krisis mata wang khususnya bagaimana mereka boleh dilindungi daripada pergolakan yang menggugat kestabilan pasaran.

Walaupun perisytiharan itu tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang, ia menyuarakan pendirian pegangan bersama negara yang terbabit dalam perbincangan yang menghasilkan perisytiharan itu.

Ditanya apakah masalah utama ekonomi yang timbul dalam perbincangan peringkat pertama, katanya: "Ramai pemimpin yang mengambil bahagian mengenai globalisasi dan menganggap ia juga memberi banyak faedah." - Bernama

(END)